


PANDUAN LAWATAN PEMBELAJARAN DI PERPUSTAKAAN




MENDAFTAR MASUK UNTUK LAWATAN PEMBELAJARAN DI PERPUSTAKAAN

Selamat datang!

Lawatan Pembelajaran di Perpustakaan memperkenalkan anda kepada pelbagai perkhidmatan digital yang terdapat di Perpustakaan Awam. Panduan ini akan melengkapi perjalanan anda semasa menerokai hentian berikut:



Pada penghujung lawatan di setiap hentian, anda berpeluang melakukan satu aktiviti mudah untuk membantu memastikan anda mempunyai pemahaman yang betul tentang apa yang telah dipelajari. Anda bebas melakukan aktiviti ini pada bila-bila masa. Jawapan bagi semua aktiviti yang diberikan terdapat di bahagian bawah setiap halaman.



MEMPERKENALKAN NAMA PENGGUNA MYLIBRARY & APLIKASI NLB MOBILE



Koleksi dan sumber perpustakaan kami kini sentiasa berada dalam capaian anda. Dengan nama pengguna myLibrary, anda juga boleh meluaskan penerokaan ke dalam ruang perpustakaan digital untuk mengakses ribuan buku dan banyak akhbar tempatan dalam talian!

■ Apakah Nama Pengguna myLibrary?

Nama pengguna myLibrary memberi ahli perpustakaan akses kepada semua perkhidmatan digital yang ditawarkan Lembaga Perpustakaan Negara (NLB). Nama pengguna myLibrary setiap orang adalah unik! Anda tidak boleh gunakan simbol tanda baca atau aksara khas mahupun nombor NRIC untuk mencipta nama pengguna. Nama pengguna anda juga tidak boleh diubah selepas selesai dicipta. Semua ahli perpustakaan NLB boleh mendaftar untuk mendapatkan nama pengguna myLibrary.

Anda boleh melayari account.nlb.gov.sg untuk menyemak jika anda sudah mempunyai nama pengguna myLibrary. Laman web ini juga boleh digunakan untuk mencipta nama pengguna myLibrary bagi pengguna yang baharu.

■ Perkhidmatan Secara Digital

Nama pengguna myLibrary membenarkan anda mengakses semua perkhidmatan perpustakaan digital melalui laman web NLB (nlb.gov.sg). Anda juga boleh memuat turun dan memasang aplikasi NLB Mobile pada peranti mudah alih anda. Dengan nama pengguna myLibrary, anda boleh:

1 Meminjam dan Membaca Semasa dalam Perjalanan

- Baca e-Buku, e-Akhbar, e-Majalah dan sumber digital yang lain
- Imbas & pinjam buku fizikal menggunakan aplikasi NLB Mobile tanpa perlu melakukannya di Stesen Peminjaman Buku

2 Urus Akaun Perpustakaan Anda dengan Mudah

- Buat pembayaran yuran perpustakaan secara dalam talian
- Terima e-mel peringatan tentang pinjaman, item tempahan dan yuran/denda
- Perbaharui Pinjaman


3 Teroka dan Daftar untuk Program & Acara Perpustakaan

4 Gunakan e-Akhbar dan Stesen Multimedia di Perpustakaan Awam



■ Perihal App Mudah Alih

App ialah singkatan dalam bahasa Inggeris untuk aplikasi (*application*). App ialah program komputer yang memudahkan urusan anda. Contohnya, terdapat *app* untuk memesan makanan, menempah tiket wayang, membuat pembayaran malah bermain permainan. Aplikasi mudah alih ialah *app* yang boleh ditambahkan pada telefon anda bagi membantu anda melakukan perkara yang berguna dan menyeronokkan.



■ Lawati Gedung Aplikasi

Anda boleh mendapatkan aplikasi daripada **gedung aplikasi** (*app store*). Gedung aplikasi ialah katalog digital yang menyenaraikan himpunan aplikasi yang anda boleh muat turunkan di telefon anda. Setiap telefon mempunyai gedung aplikasi untuk anda mendapatkan aplikasi baharu.

Anda perlu kenali rupa ikon gedung aplikasi telefon anda. Ikon gedung aplikasi anda mungkin berbeza bergantung kepada jenama telefon anda sama ada Apple atau Samsung. Dua gedung yang paling kerap digunakan ialah *Google Play* (untuk pengguna Android) dan *App Store* (untuk pengguna iOS). Apabila anda klik ikon gedung aplikasi, anda akan "memasuki" gedung maya. Di sini, anda boleh mula mencari aplikasi baharu untuk dimuat turunkan di telefon anda.

Lima Perkara Yang Anda Perlu Tahu

1



Terdapat gedung aplikasi lain juga. Salah satu contoh ialah *AppGallery* yang digunakan untuk peranti Huawei.

2

Sesetengah aplikasi boleh digunakan secara percuma sementara ada yang memerlukan bayaran.



3



Memuat turun aplikasi mudah alih mungkin memerlukan banyak data daripada pelan mudah alih anda. Untuk mengelakkan penggunaan data yang melampaui had, sebaiknya anda menyambung kepada Wi-Fi sebelum mendapatkan aplikasi baharu.

4

Aplikasi mudah alih dikemas kini secara kerap. Sesetengah kemas kini diperlukan untuk menangani isu kecil sementara kemas kini utama boleh memperbaiki rupa dan ciri aplikasi.



5



Berhati-hati dengan aplikasi palsu. Hanya gunakan aplikasi daripada gedung aplikasi rasmi untuk peranti anda.



Aplikasi NLB Mobile

Dengan aplikasi NLB Mobile, anda boleh menikmati pengalaman ke dengan mudah.

1 Cari bahan fizikal, e-buku, buku audio, e-majalah dan lain-lain sumber dalam talian menggunakan katalog perpustakaan.

3 Pinjam, tempah dan muat turun e-Buku, buku audio, e-Akhbar dan e-Majalah.

5 Urus akaun anda dan bayar caj tertunggak secara dalam talian.

7 Gunakan kad perpustakaan elektronik anda (eCard*) untuk meminjam bahan fizikal di stesen peminjaman perpustakaan, mengambil bahan tempahan, membuat pembayaran dan banyak lagi.

9 Tetapkan bahasa pilihan anda untuk kandungan pada tab "Discover" (Teroka). Tetapan ini boleh digunakan bagi bahan bacaan pilihan terancang dan bahan baharu dalam Bahasa Ibunda.


2 Imbas untuk meminjam bahan fizikal di perpustakaan kami.

4 Semak seimbas senarai program perpustakaan dan daftar untuk penyertaan*.

6 Log masuk ke laman web NLB secara pantas melalui Log Masuk QR NLB*

8 Terima notifikasi dan peringatan terkini tentang notis perpustakaan melalui pemberitahuan semerta daripada aplikasi.

10 Lihatlah bahagian "You May Like" (Anda Mungkin Suka) pada tab "Discover" (Teroka) untuk melihat saranan bacaan yang sesuai dengan tabiat membaca anda.




Butiran tambahan tentang Perkara 4, 6 & 7:

■ Tidak pasti cara untuk mendaftar bagi menyertai program kami?

Layari go.gov.sg/toyl-evbm untuk panduan langkah demi langkah.


■ Apakah itu Log Masuk QR NLB?

Ia merupakan satu kaedah lain untuk anda daftar masuk untuk mengakses perkhidmatan NLB tanpa perlu menaipkan kata pengguna myLibrary ID dan kata laluan. Gunakan kamera aplikasi mudah alih NLB Mobile anda untuk mengimbas kod QR untuk log masuk ke laman web NLB (cth. menerusi komputer riba, stesen multimedia di perpustakaan awam).



■ Bagaimanakah caranya untuk mendapatkan eCard anda daripada aplikasi mudah alih NLB Mobile?

eCard boleh diakses daripada semua skrin termasuk Discover, Highlights, Account dan tab More. Klik ikon eCard di atas sebelah kanan aplikasi untuk mendapatkan kad perpustakaan versi Kod QR anda. Gunakan eCard anda untuk meminjam item di stesen peminjaman di perpustakaan, mengambil item tempahan, membuat pembayaran dan banyak lagi.



Apakah yang anda boleh lakukan dengan aplikasi NLB Mobile?

Bulatkan *Benar* atau *Salah* di sebelah setiap pernyataan.

Soalan 1.

Saya boleh menempah buku.

BENAR / SALAH

Soalan 2.

Saya boleh mendaftar diri untuk menjadi ahli baharu perpustakaan.

BENAR / SALAH

Soalan 3.

Saya dapat mengakses e-Sumber NLB.

BENAR / SALAH

Soalan 4.

Saya boleh mendapatkan eCard perpustakaan saya.

BENAR / SALAH

Soalan 5.

Saya boleh bermain permainan.

BENAR / SALAH

Soalan 6.

Saya boleh mengimbas buku fizikal di perpustakaan untuk meminjamnya.

BENAR / SALAH

Soalan 7.

Saya boleh mendaftar untuk program perpustakaan.

BENAR / SALAH

Soalan 8.

Saya boleh membeli buku.

BENAR / SALAH

Soalan 1. Benar
Soalan 2. Benar
Soalan 3. Benar
Soalan 4. Benar
Soalan 5. Salah
Soalan 6. Benar
Soalan 7. Benar
Soalan 8. Salah

jawapan


MEMPERKENALKAN e-AKHBAR TEMPATAN




Akhbar tempatan kegemaran anda juga boleh dibaca di telefon atau komputer anda. Berikut merupakan beberapa tajuk e-akhbar yang tersedia untuk anda:

1. The Straits Times
2. The Business Times
3. Berita Harian
4. Tamil Murasu
5. Lianhe Zaobao
6. Shin Min Daily News


■ Lima Sebab untuk Membaca e-Akhbar!




Anda boleh membacanya pada bila-bila masa.




Anda boleh membacanya di mana sahaja dengan telefon anda. Isu lalu dan semasa boleh dilihat dengan mudah pada telefon anda sendiri.



Paparan perkataan di skrin terlalu kecil? Zum masuk dan keluar menurut kesesuaian anda!




Akses pantas. Buka aplikasi NLB Mobile dan dalam beberapa minit sahaja anda sudah boleh mengaksesnya.





Lebih mesra alam kerana ia mengurangkan penggunaan kertas.

■ Membaca e-Akhbar

Terdapat beberapa cara anda boleh mengakses e-Akhbar:

- **1. Melalui Aplikasi NLB Mobile**

Buka aplikasi dan klik ikon "SPH Media Newspapers" (Akhbar SPH Media) untuk meneroka koleksi e-Akhbar tempatan.
- **2. Melalui komputer peribadi anda**

Lungsuri laman web NLB (go.gov.sg/nlb-enews) pada komputer anda. Log masuk dengan nama pengguna myLibrary anda melalui butang di bahagian atas sebelah kanan. Pilih akhbar yang ingin anda baca, dan anda akan dihalakan ke laman web e-Akhbar SPH.
- **3. Mengunjungi Perpustakaan Awam**

Kunjungi mana-mana Perpustakaan Awam untuk membaca e-Akhbar di stesen multimedia kami.



Sebaik manakah pengetahuan anda tentang e-Akhbar?

■ Bulatkan jawapan anda dalam kuiz trivia berikut.

1

Antara tajuk-tajuk berikut, mana satukan yang **TIDAK** terdapat dalam format e-Akhbar?

- a. The Straits Times dan Tamil Murasu
- b. Lianhe Zaobao dan Shin Min Daily News
- c. The Business News dan Today's Newspaper
- d. Berita Harian dan Shin Min Daily News

2

Berapakah bilangan e-Akhbar yang diterbitkan di Singapura yang boleh anda akses?

- a. Lapan
- b. Enam
- c. Empat
- d. Tujuh

3

Kenal pasti cara yang **BETUL** untuk ahli perpustakaan mengakses e-Akhbar.

- a. Melalui komputer peribadi anda
- b. Melalui stesen multimedia di Perpustakaan Awam
- c. Melalui aplikasi NLB Mobile
- d. Semua jawapan di atas

4

Mengapa e-Akhbar boleh menjadi pilihan yang baik untuk anda?

- a. Anda boleh membacanya pada bila-bila masa.
- b. e-Akhbar berbentuk mudah alih.
- c. Saiz fon boleh diubah dengan zum masuk dan keluar bagi memberikan pengalaman membaca yang selesa.
- d. Semua jawapan di atas.

5

Adakah perkhidmatan e-Akhbar disediakan secara percuma?

- a. Ya
- b. Tidak

5. A

4. D

3. D

2. B

1. C


Jawapan

MEMPERKENALKAN e-SUMBER NLB



Pembelajaran merupakan suatu proses sepanjang hayat. Terokai e-Pangkalan Data, e-Buku, e-Akhbar, e-Majalah dan pelbagai sumber tentang Singapura menerusi e-Sumber NLB.

Apa yang kami punyai kini:





Anda boleh mengakses e-Sumber (eResources) NLB menerusi aplikasi mudah alih NLB Mobile atau laman web e-Sumber. Anda perlu log masuk menggunakan nama pengguna myLibrary untuk mengakses pangkalan data yang dilindungi NLB. Walau bagaimanapun, harap maklum, tidak semua pangkalan data yang boleh diakses dari rumah disebabkan sekatan hak cipta/pelesenan.

Bagaimanakah Anda Boleh Mengakses e-Sumber NLB?




1 Melalui laman web e-Sumber kami: eresources.nlb.gov.sg

Klik "Login" (Log masuk) di bahagian atas sebelah kanan laman untuk log masuk menggunakan nama pengguna dan kata laluan myLibrary anda. Anda juga boleh log masuk menggunakan Log Masuk QR NLB dengan aplikasi NLB Mobile.



2 Melalui aplikasi NLB Mobile

Pada laman penambat NLB Mobile, klik pada "more" (lagi). Di bawah "Online resources" (Sumber dalam talian) – "Read" (Baca), klik pada "eResources for Seniors" (e-Sumber untuk Warga Emas). Klik "Proceed" (Teruskan) untuk mengakses e-Sumber.



Sumber yang Ditampilkan




e-Buku, e-Majalah dan e-Akhbar

e-Buku dan e-Majalah bahasa Cina HyRead

HyRead menawarkan e-buku dan e-majalah bahasa Cina dari Taiwan, Hong Kong, China, Singapura dan Malaysia. Anda boleh mengakses HyRead daripada pelayar anda atau gunakan aplikasi mudah alih HyRead (daripada Apple App Store atau Google Play Store).

PressReader

PressReader menyediakan akses kepada ribuan akhbar dan majalah terkemuka di dunia dari lebih 100 negara dalam 60 bahasa. Penerbitan disampaikan dalam bentuk replika digital penuh dan menawarkan ciri digital lanjutan seperti carian kata kunci, penterjemahan, kefungsiian audio dan banyak lagi.



Muzik

Naxos Music Library

Dengar rakaman muzik klasik melalui penstriman atas permintaan.



Sumber tentang Singapura

National Library Online

Lungsuri koleksi buku warisan, manuskrip, muzik, gambar, akhbar dan banyak lagi yang telah didigitkan Perpustakaan Negara.

URL: nlb.gov.sg/main/nlonline

NewspaperSG

Cari bahan daripada arkib digital bagi akhbar yang diterbitkan di Singapura sejak 1827.

URL: eresources.nlb.gov.sg/newspapers



Terdapat 10 perkataan berkaitan dengan e-Sumber yang tersembunyi di dalam carian perkataan di bawah. Cari dan bulatkan perkataan-perkataan itu.

R	S	I	J	F	E	R	W	Z	M	U	G	P	I	A	Z	J	F	S	A
T	G	I	C	P	B	L	N	K	T	H	S	Z	J	U	G	J	S	D	S
L	A	Q	I	Z	O	P	Y	N	E	W	S	P	A	P	E	R	S	G	O
H	Q	I	W	W	O	O	T	X	Z	B	R	Z	M	V	I	U	M	U	V
B	L	R	M	K	K	X	E	A	B	X	Q	B	Y	Y	Z	D	I	V	N
G	J	C	R	S	S	V	N	N	T	N	K	X	L	I	N	Z	A	T	A
V	L	L	U	O	N	L	I	N	E	K	O	B	I	Q	L	O	I	W	X
P	E	N	D	D	M	I	H	B	H	K	F	Y	B	P	B	E	P	Z	O
E	H	H	S	A	Z	U	N	P	Y	P	A	K	R	R	M	Z	H	K	S
Q	S	H	T	F	T	S	H	F	R	Z	M	V	A	E	O	Q	V	O	M
G	A	T	E	N	B	A	O	P	E	G	K	O	R	S	B	U	J	C	U
Z	Z	H	M	X	L	O	B	A	A	C	X	D	Y	S	I	L	U	Y	S
M	U	S	A	L	I	G	C	A	D	V	G	Y	U	R	L	L	W	T	I
N	Q	E	G	R	W	L	W	F	S	L	W	G	S	E	E	D	B	U	C
Q	A	C	A	W	I	G	T	K	F	E	C	M	E	A	J	F	C	N	A
B	Q	L	Z	F	V	E	M	P	F	G	S	D	R	D	Z	P	P	S	Z
D	M	V	I	P	K	F	C	W	Y	D	G	J	N	E	W	G	H	F	C
D	N	N	N	E	S	D	N	L	C	L	O	K	A	R	I	H	Q	Z	A
P	K	F	E	O	W	F	O	V	U	T	H	T	M	G	F	L	T	V	T
P	C	W	S	K	T	W	B	Y	S	W	R	X	E	D	J	L	A	N	A

1. HyRead
2. PressReader
3. Naxos Music
4. NewspaperSG
5. eBooks
6. eMagazines
7. Databases
8. Online
9. myLibrary username
10. NLB Mobile

P	C	M	S	K	T	W	B	Y	S	W	R	X	E	D	J	L	A	N	A
P	K	F	E	O	W	F	O	V	U	T	H	T	M	G	F	L	T	V	T
D	N	N	N	E	S	D	N	L	C	L	O	K	A	R	I	H	Q	Z	A
D	M	V	I	P	K	F	C	W	Y	D	G	J	N	E	W	G	H	F	C
B	Q	L	Z	F	V	E	M	P	F	G	S	D	R	D	Z	P	P	S	Z
Q	A	C	A	W	I	G	T	K	F	E	C	M	E	A	J	F	C	N	A
N	Q	E	G	R	W	L	W	F	S	L	W	G	S	E	E	D	B	U	C
M	U	S	A	L	I	G	C	A	D	V	G	Y	U	R	L	L	W	T	I
Z	Z	H	M	X	L	O	B	A	A	C	X	D	Y	S	I	L	U	Y	S
G	A	T	E	N	B	A	O	P	E	G	K	O	R	S	B	U	J	C	U
Q	S	H	T	F	T	S	H	F	R	Z	M	V	A	E	O	Q	V	O	M
E	H	H	S	A	Z	U	N	P	Y	P	A	K	R	R	M	Z	H	K	S
P	E	N	D	D	M	I	H	B	H	K	F	Y	B	P	B	E	P	Z	O
V	L	L	U	O	N	L	I	N	E	K	O	B	I	Q	L	O	I	W	X
G	J	C	R	S	S	V	N	N	T	N	K	X	L	I	N	Z	A	T	A
B	L	R	M	K	K	X	E	A	B	X	Q	B	Y	Y	Z	D	I	V	N
H	Q	I	W	W	O	O	T	X	Z	B	R	Z	M	V	I	U	M	U	V
L	A	Q	I	Z	O	P	Y	N	E	W	S	P	A	P	E	R	S	G	O
T	G	I	C	P	B	L	N	K	T	H	S	Z	J	U	G	J	S	D	S
R	S	I	J	F	E	R	W	Z	M	U	G	P	I	A	Z	J	F	S	A

Jawapan


Program Perpustakaan untuk Warga Emas

Siri program **The Time of Your Life (TOYL)** menampilkan ceramah informatif, bengkel kreatif, kelab membaca dan masyarakat pembelajaran bagi mereka yang berusia 50 tahun ke atas. Mulakanlah perjalanan pembelajaran anda dengan kami hari ini menerusi program yang meliputi pelbagai topik yang luas seperti Digital, Membaca, Kerjaya, Kemampanan, Seni dan Kesejahteraan!



Semak imbas dan daftar untuk program TOYL di sini:

go.gov.sg/toyl



MakeIT di Perpustakaan ialah satu inisiatif NLB yang membolehkan semua orang belajar dan mencuba teknologi baharu yang mampu merealisasikan idea anda. Gunakan percetakan 3D, pemotongan digital, robotik dan pelbagai kaedah pembuatan berasaskan teknologi fabrikasi lain untuk menghasilkan item yang sesempurna penghasilan komputer yang tidak mungkin dapat dilakukan secara manual.



Ketahui lebih lanjut tentang MakeIT di sini:

go.gov.sg/makeit-nlb



Ikuti program dan acara terkini kami.
Lungsuri go.gov.sg/50plusmail untuk menyertai senarai mel TOYL kami!



Bagi menyokong

Anjuran bersama



**Muat turun salinan digital buku kecil
Panduan Lawatan Pembelajaran di Perpustakaan dengan
mengimbas Kod QR atau lungsur pautan di bawah ini:**

Versi
bahasa Inggeris:



go.gov.sg/lljguide-eng-2024

Versi
bahasa Cina:



go.gov.sg/lljguide-chi-2024

Versi
bahasa Melayu:



go.gov.sg/lljguide-mal-2024

Versi Tamil:



go.gov.sg/lljguide-tam-2024

PERTANYAAN

E-mel: enquiry@nlb.gov.sg

NATIONAL LIBRARY BOARD

100 Victoria Street, #14-01

National Library Board, Singapura 188064

www.nlb.gov.sg

Dicetak pada Jan 2024. Semua maklumat adalah tepat pada masa penerbitan.